



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI



INTERNATIONAL POSTGRADUATE CONFERENCE ON ISLAMIC STUDIES (IPCIS) 2023



[23 Ogos 2023] - IPCIS 2023 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Mukhtar 2, Pusat Islam UiTM Shah Alam. Program yang merupakan kesinambungan bagi MoU yang telah dijalinkan di antara ACIS UiTM Shah Alam dengan Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin (UIN SMH) Banten ini telah di kelola secara bersama oleh ACIS Postgraduate Students Society; Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ) dan pengurusan UIN SMH Banten. Mengangkat tema “envisioning green future of Islamic values: catalyzing sustainable modern society”; IPCIS 2023 menerima kehadiran secara fizikal 50 orang peserta daripada UIN SMH Banten, Universitas Islam Negeri Intan Raden Lampung dan Sekolah Tinggi Agama Sheikh Abdul Kabir, Banten Indonesia. Pembentangan kertas kerja telah dilakukan secara hybrid dengan sebahagiannya berjaya membentangkan kajian di Bilik Parallel Cempaka 5 UiTM Shah Alam.

YBhg Prof Madya Dr Afandi Mat Rani -Dekan ACIS telah merasmikan IPCIS 2023, selepas ucapan aluan oleh YBhg Prof Dr Hj Wawan Wahyuddin – Rektor UIN SMH Banten. IPCIS 2023 seterusnya menampilkan Prof Madya Dr Rafeah Saidon – KPP Pascasiswazah ACIS menyampaikan uapptama I dan Prof Dr Ilzamuddin Ma'mur -Pengarah Pascasiswazah UIN SMH Banten menyampaikan uapptama II.



اُنِيُوْزْ سَيِّتِيْ تَاكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.